



## SIARAN AKHBAR

### **SME CORP. MALAYSIA BEKERJASAMA DENGAN YAYASAN DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM (DMDI) BANTU GOLONGAN B40 DAN ASNAF**

**Melaka, 3 Oktober 2022** - SME Corp. Malaysia salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), telah melaksanakan Program Kerjasama Strategik bersama Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) bagi memperkasakan Keusahawanan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Program kerjasama ini dianjurkan dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan golongan B40 dan asnaf, khususnya, dalam keusahawanan dan bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan. Program ini dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Muhd Rustam, TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, memaklumkan bahawa seramai 100 orang peserta yang hadir pada sesi hari ini telah membuktikan komitmen mereka untuk mendapatkan ilmu keusahawanan seperti mendengar pengalaman melalui kisah-kisah kejayaan usahawan jemputan serta bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh SME Corp. Malaysia serta agensi kerajaan yang berkaitan melalui forum keusahawanan di dalam memacu kelestarian PMKS.

Tambah Rizal, SME Corp. Malaysia akan bekerjasama dengan pihak DMDI melalui penganjuran program seperti yang diadakan pada hari ini termasuk slot Sembang Inklusif bagi berkongsi berkenaan inisiatif dalam Memperkasakan Jaringan Perniagaan ke Arah Pembangunan Ummah secara Global.

Satu majlis penyampaian *Mock Cheque* turut diadakan dimana seramai lapan (8) penerima yang terdiri daripada usahawan-usahawan di bawah Program-program yang meliputi Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (*BEEP*), Tunas Usahawan Belia Bumiputera (*TUBE*), Pembiayaan Pengukuhan PKS (*SMERF*) dan *Micro Connector* hadir pada Majlis tersebut.

Yayasan DMDI ditubuhkan untuk menyatukan Melayu Islam di seluruh dunia disamping memberi ruang kepada pemimpin DMDI bagi membincangkan kepentingan bersama mengenai semua bidang kehidupan khususnya pendidikan, ekonomi, kebudayaan, sosial serta sains dan teknologi.

Sesi ini turut dihadiri oleh YB Datuk Hajah Kalsom binti Noordin, Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Negeri Melaka, YB Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Pengerusi Yayasan DMDI, YBhg. Dato' Seri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBhg. Prof Emeritus Datuk Wira Mohd Jamil bin Mukmin, Naib Pengerusi Sekretariat DMDI dan YBhg. Datuk Wira Radhuana binti Salleh, Pegawai Khas kepada TYT Yang Dipertua Melaka.

Untuk maklumat lanjut mengenai program serta inisiatif di bawah SME Corp. Malaysia, sila layari [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my) atau hubungi 1300 30 6000.

- TAMAT -

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman web: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

#### **Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)**

**Tel : 03-27756203 atau 016-3322121**

**Email : [rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)**